

Najib mahu lengahkan perbicaraan: Tommy

BH-19/3/2019 m/s: 8

➔ Bekas PM bangkitkan pelbagai isu pada setiap peringkat kes

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bharian.com.my

Putrajaya

Peguam Negara, Tommy Thomas, memberitahu Mahkamah Rayuan semalam, bahawa Datuk Seri Najib Razak membangkitkan pelbagai isu untuk melengahkan perbicaraan kes pecah amanah dan menyalahgunakan kedudukan membabitkan dana SRC International Sdn Bhd yang dihadapinya.

Beliau berkata, ini dapat dilihat apabila kedua-dua pihak sebelum ini sudah bersetuju bahawa kes membabitkan dana SRC International Sdn Bhd

itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi dan pihak pendakwaan dan pembelaan tidak pernah bertelagah mengenai perkara itu.

“Pemohon (Najib) bagaimanapun membangkitkan pelbagai isu untuk lewat-lewatkan perbicaraan pada setiap peringkat kes ini.

“Permohonan untuk mencabar kuasa Pendakwa Raya dalam rayuan ini adalah tidak berasas dan sehubungan itu kami mohon rayuan ini ditolak,” katanya.

Perintah larangan terhadap media

Tommy berkata demikian dalam empat rayuan interlokutori dimohon Najib membabitkan tujuh tuduhan dihadapinya membabitkan dana SRC International.

Najib merayu keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonannya untuk mendapatkan perintah larangan terhadap media dan orang ramai daripada membincangkan dan menerbitkan kenyataan mengenai merit kes SRC International dihadapinya.

Sementara itu, Najib dilihat terlelap ketika peguamnya, Harvinderjit Singh, sedang berhujah untuk kes itu.

Anggota polis yang berada berhampiran kemudian menghampiri dan memegang bahu bekas perdana menteri itu dan berkata sesuatu.

Najib yang tersedar berikutan sapaan oleh anggota polis itu, kemudian mengangguk dan kembali mendengar hujah peguamnya.

Pada 4 Julai tahun lalu, Najib mengaku tidak bersalah di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas tiga tuduhan pecah amanah dan satu pertuduhan menyalah guna kedudukan untuk kepentingan peribadi membabitkan RM42 juta berkaitan syarikat SRC.

Beliau kemudian didakwa dengan tiga tuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana sama.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Zabariah Mohd Yusof, bersama-sama Datuk Rhodzariah Bujang dan Datuk Lau Bee Lan, menetapkan Khamis ini bagi keputusan rayuan terbabit.



Permohonan untuk mencabar kuasa Pendakwa Raya dalam rayuan ini adalah tidak berasas dan sehubungan itu kami mohon rayuan ini ditolak”

Tommy Thomas,
Peguam Negara